



Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan

Ku Ismafaizul Ku Ismail



Ruangan personaliti kali ini memilih seorang tokoh yang aktif dalam sukan dan kebudayaan iaitu Ku Ismafaizul bin Ku Ismail. Dilahirkan di Bukit Temiang, Beseri pada 25 tahun yang lalu, Ku Ismafaizul lebih dikenali dengan gelaran 'Pak Ku'. Anak sulung daripada 4 orang adik-beradik ini seorang yang peramah dan mudah didekati. Pak Ku mendapat pendidikan menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Perlis dan seterusnya mengambil Sijil Elektronik / Elektrik pada tahun 1998 di Giat Mara, Kangar.

Sebelum menyertai KUKUM, Pak Ku pernah bekerja sebagai Juruteknik Teknikal dan Mekanikal di Audiora Sounds Sdn. Bhd selama 2 tahun. Pada tahun 2001 pula, beliau mula berkhidmat dengan Shorubber Sdn. Bhd. Kemudian beliau mula bekerja sebagai Pembantu Am Rendah di Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik, KUKUM mulai tahun 2002.

Pak Ku pernah mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (Kategori Anugerah Khas Staf, 2002) dan Anugerah Seri Gemilang (Kategori Versatile, 2004). Istimewanya, beliau tidak sahaja cemerlang dalam perkhidmatan malahan cemerlang dalam sukan dan kebudayaan. Ini terbukti apabila beliau mendapat Tempat Pertama (Perseorangan) dalam Kejohanan Bowling antara Jabatan KUKUM, 2003 dan Tempat Ketiga (Regu) dalam

pertandingan yang sama. Juga Naib Johan (Regu Lelaki) dalam Kejohanan Badminton Tertutup KUKUM, 2003. Pada tahun 2005 pula, beliau telah memperolehi pingat Emas Acara 1500 meter Lelaki, pingat Perak Acara 800 meter Lelaki, juga pingat Perak Acara 4 x 400 meter Lelaki serta pingat Gangsa Acara 4 x 100 meter Lelaki dalam Kejohanan Olahraga Tertutup KUKUM. Selain itu, beliau juga mendapat pingat Gangsa Olahraga Acara 4 x 400 meter Lelaki dalam Sukan Staf Antara Universiti Malaysia 2005. Pak Ku juga turut meminati sukan bola sepak dan pada tahun 2004 beliau bersama-sama rakan seperjuangannya telah memperolehi Johan dalam pertandingan Bola Sepak Piala BUMITA.

Beliau juga telah menyertai peringkat akhir Pertandingan Karaoke Terbuka Perlis anjuran MARA (1999), Naib Johan Pertandingan Karaoke Terbuka Shorubber Sdn. Bhd. Perlis (2001) serta separuh akhir Nyanyian dan Sketsa Sinaran Pasport Kegemilangan Anjuran TV3 (2002). Oleh kerana minat yang mendalam dalam bidang nyanyian, beliau telah menyertai Kumpulan Koir dan Kebudayaan KUKUM.

Masa lapangnya banyak dihabiskan dengan bersukan, karaoke serta melancong. Berpegang pada prinsip "di mana ada kemahuan, di situ ada jalan", Pak Ku amat berharap akan berjaya dalam semua bidang yang diceburinya.